

# RAFIDAH TAK MAHU CABAR AISHAH GHANI



DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ

**KUALA LUMPUR, Ahad.** — Menteri Perusahaan Awam Datin Paduka Rafidah Aziz hari ini mengumumkan, beliau tidak akan bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang kini dipegang oleh Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani.

Prinsip perjuangan saya

bukan untuk menentang atau menjatuhkan sesiapa kerana apa yang lebih penting ialah persefahaman dan perpaduan parti," jelasnya yang juga Naib Ketua Pergerakan itu.

Menurut Datin Paduka Rafidah Aziz, Ketua Pergerakan Wanita sekarang, Datin Paduka Hajjah Aishah masih berkemampuan dan berkaliber memimpin Wanita UMNO. Oleh itu apa perlu dipersoalkan masalah pemimpin lagi.

"Saya tidak akan bertanding menentang beliau kerana ia masih berkemampuan memimpin Pergerakan Wanita," tegas beliau kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat UMNO Cawangan Kampung Selamat, Ampang, dekat sini hari ini.

Datin Paduka Rafidah mengakui terdapat beberapa cawangan yang mencalonkannya merebut jawatan itu. Bagaimanapun beliau telah menghubungi cawangan-cawangan berkenaan supaya menarik balik pencalonan mereka.

"Dengan ini tidak timbul masalah saya menarik diri dari

pencalonan kerana apa yang saya mahu biarlah Datin Paduka Hajjah Aishah mengekalkan jawatannya tanpa pertandingan," tambah beliau.

Datin Paduka Rafidah Aziz selanjutnya menyeru semua wanita UMNO supaya mementingkan perpaduan parti dan jangan terlalu memikirkan masalah-masalah jawatan dalam parti.

"Saya mahu semua wanita UMNO memberi sokongan sepenuhnya kepada Ketua Pergerakan Wanita sekarang kerana beliau mempunyai kualiti kepimpinan yang baik.

"Saya sendiri akan pergi ke setiap negeri menemui Ketua-Ketua Wanita peringkat cawangan dan bahagian memberi penjelasan terhadap kedudukan saya supaya tidak ada cawangan atau bahagian yang mencalonkan saya," tambah beliau.

Bagaimanapun, Datin Paduka Rafidah bersetuju menerima pencalonan itu sekiranya terdapat kekosongan jawatan Ketua Pergerakan Wanita, kerana ini bermakna ia tidak bertanding untuk menentang atau menjatuhkan sesiapa.

Perhimpunan Agung Pergerakan tersebut yang di-

jadualkan berlangsung Jun ini telah melahirkan berbagai spekulasi di kalangan wanita UMNO.

Sebelum ini Datin Rafidah Aziz dihebohkan akan bertanding merebut jawatan itu bersama dengan Datin Paduka Zaleha Ismail, Exco Kerajaan Selangor.

Menyentuh berita yang mengatakan beliau akan merebut jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Selayang, Datin Paduka Rafidah Aziz menjelaskan:

"Sekali lagi saya tegaskan bahawa prinsip saya bukan untuk menentang atau menjatuhkan seseorang. Dengan itu soal merebut jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Selayang juga tidak timbul."

Ketua Wanita Bahagian itu sekarang dipegang oleh Ibu Hajjah Anjah Mohamad Arif.

Menuet Datin Paduka Rafidah, Ibu Anjah masih berkemampuan memimpin Wanita UMNO Selayang dan dalam pertemuan antara beliau dengannya baru-baru ini, Ibu Anjah melahirkan keinginannya untuk memegang jawatan itu lagi.